



17-22 SEPTEMBER 2018
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
www.cepsi2018kl.org



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/02/09 (HQ)

KETTHA & TNB ANJUR DIALOG TN50 GREEN DI SELANGOR

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari ini menganjurkan dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50 Green) dan pembangunan mampan “Sustainable Development Goals 2030” (SDG 2030) di Kajang, Selangor.

Sesi dialog ini, siri keempat selepas Kota Kinabalu, Sabah (22 Januari, 2018), Kota Bharu, Kelantan (4 Februari, 2018) dan Kuala Terengganu, Terengganu (11 Februari) bertujuan untuk memberikan penjelasan tentang Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP), peranan kerajaan dan masyarakat dalam mempromosikan gaya hidup hijau.

Lebih 1,400 peserta sekitar Putrajaya, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menghadiri dialog TN50 Green di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kajang, Selangor, menjadikan kehadiran keseluruhan empat dialog melebihi 4,400 orang. Mereka terdiri daripada penjawat awam, pemimpin masyarakat, pelajar institut pengajian tinggi dan masyarakat awam.

KeTTHA sedang rancak menganjurkan program turun padang ini selaras dengan pelancaran GMTP tahun lalu. Siri jelajah ini akan diteruskan di Pahang, Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sarawak.

Ia diterajui oleh Menteri KeTTHA, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili dan Ketua Setiausaha Kementeriannya, Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang.

GTMP menetapkan hala tuju perkembangan industry teknologi hijau Negara ke arah pertumbuhan ekonomi dan pembangunan mampan. Fokus GTMP adalah dalam sector tenaga, pembuatan, pengangkutan, bangunan, pengurusan sisa dan pengurusan air.

S.A. 2018/02/09 (HQ)

Pelaksanaan GTMP dijangka dapat meningkatkan sumbangan teknologi hijau kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) daripada RM7.9 bilion pada tahun 2013 kepada RM60 bilion menjelang 2030 serta menjana pendapatan berjumlah RM181.1 bilion. Jumlah pelaburan dalam bidang teknologi hijau dijangka meningkat kepada RM94.3 bilion manakala 221,500 peluang pekerjaan dijangka diwujudkan menjelang tahun 2030.

Dikeluarkan di Kajang, Selangor pada 23 Februari 2018, jam 9.00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Perhubungan Media (KeTTHA) – Nursila Abd Majid | Tel: 012-4060772 |

Email: noorsila@kettha.gov.my

Atau

Perhubungan Media (TNB) - Nor Hanim Idris | Tel: 019-2617617 |

Email: media@tnb.com.my